



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 31 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>REMAJA DIROGOL, DIBELASAH BAPA AKAN DITEMPATKAN DI BAWAH INSTITUSI JKM</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055851/remaja-dirogol-dibelasah-bapa-akan-ditempatkan-di-bawah-institusi-jkm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055851/remaja-dirogol-dibelasah-bapa-akan-ditempatkan-di-bawah-institusi-jkm</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/30/remaja-dirogol-dibelasah-bapa-akan-dijaga-institusi-jkm/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/30/remaja-dirogol-dibelasah-bapa-akan-dijaga-institusi-jkm/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>LPPKN SASAR 30,000 WANITA DI SARAWAK JALANI UJIAN SARINGAN HPV</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/lppkn-sasar-30000-wanita-di-sarawak-jalani-ujian-saringan-hpv/">https://suarasarawak.my/lppkn-sasar-30000-wanita-di-sarawak-jalani-ujian-saringan-hpv/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/agency-aims-for-30000-cervical-cancer-screenings-in-sarawak/">https://www.newsarawaktribune.com.my/agency-aims-for-30000-cervical-cancer-screenings-in-sarawak/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/orang-indu-diperansang-beperesa-sarang-anak/">https://suarasarawak.my/orang-indu-diperansang-beperesa-sarang-anak/</a>	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>SARAWAK SALUR RM7.65 JUTA BANTU PERSIAPAN TAHUN BAHARU CINA GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK</b>	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/01/30/sarawak-salur-rm7-65-juta-bantu-persiapan-tahun-baharu-cina-golongan-kurang-bernasib-baik/">https://www.tvsarawak.my/2024/01/30/sarawak-salur-rm7-65-juta-bantu-persiapan-tahun-baharu-cina-golongan-kurang-bernasib-baik/</a>	TVSARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>PENGANTIN BAHARU DIDENDA RM4,000 SIMPAN GAMBAR PORNO KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1206774/pengantin-baharu-didenda-rm4000-simpan-gambar-porno-kanak-kanak">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1206774/pengantin-baharu-didenda-rm4000-simpan-gambar-porno-kanak-kanak</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055885/pengantin-baharu-didenda-rm4000-miliki-bahan-pornografi-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055885/pengantin-baharu-didenda-rm4000-miliki-bahan-pornografi-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>6 WANITA KES 'HOT DADDY' AKAN DITUDUH ESOK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206786/6-wanita-kes-hot-daddy-akan-dituduh-esok">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206786/6-wanita-kes-hot-daddy-akan-dituduh-esok</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/6-wanita-terlibat-video-tidak-senonoh-hot-daddy-didakwa-esok/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/6-wanita-terlibat-video-tidak-senonoh-hot-daddy-didakwa-esok/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055900/enam-wanita-hot-daddy-didakwa-esok">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055900/enam-wanita-hot-daddy-didakwa-esok</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>BEKAS GURU TASKA KEKAL PENGAKUAN TIDAK BERSALAH ABAI KANAK-KANAK HINGGA MATI LEMAS</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tidak-bersalah-abai-kanakkanak-hingga-mati-lemas-456125">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tidak-bersalah-abai-kanakkanak-hingga-mati-lemas-456125</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tidak-bersalah-abai-kanak-kanak/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tidak-bersalah-abai-kanak-kanak/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2266830">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2266830</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tak-bersalah-abai-kanak-kanak-autistik/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tak-bersalah-abai-kanak-kanak-autistik/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/646997/berita/semasa/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tidak-bersalah-abai-budak-autisme">https://www.sinarharian.com.my/article/646997/berita/semasa/bekas-guru-taska-kekal-pengakuan-tidak-bersalah-abai-budak-autisme</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KELANTAN WOMAN ACCUSES POLICE INSPECTOR OF RAPING HER</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/30/kelantan-woman-accuses-police-inspector-of-raping-her/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/30/kelantan-woman-accuses-police-inspector-of-raping-her/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/gadis-dakwa-diperkosa-inspektor-ketika-beri-keterangan-kes-gambar-lucah-rakan/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/gadis-dakwa-diperkosa-inspektor-ketika-beri-keterangan-kes-gambar-lucah-rakan/</a>	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>INSPEKTOR POLIS DIREMAN TUJUH HARI DISYAKI ROGOL PENGADU</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055723/inspektor-polis-direman-tujuh-hari-disyaki-rogol-pengadu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055723/inspektor-polis-direman-tujuh-hari-disyaki-rogol-pengadu</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/694740">https://www.malaysiakini.com/news/694740</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1007680/policeman-remanded-suspected-rape">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1007680/policeman-remanded-suspected-rape</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/647023/berita/semasa/pegawai-polis-disyaki-rogol-saksi-kes-direman-tujuh-hari">https://www.sinarharian.com.my/article/647023/berita/semasa/pegawai-polis-disyaki-rogol-saksi-kes-direman-tujuh-hari</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://wartaoriental.com/2024/01/30/inspektor-direman-seminggu-bantu-kes-rogol/">https://wartaoriental.com/2024/01/30/inspektor-direman-seminggu-bantu-kes-rogol/</a>	WARTAORIENTAL.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206559/pegawai-penyiasat-direman-7-hari-disyaki-rogol-wanita-buat-laporan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206559/pegawai-penyiasat-direman-7-hari-disyaki-rogol-wanita-buat-laporan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/pegawai-polis-direman-seminggu-disyaki-rogol-pengadu/">https://www.buletintv3.my/jenayah/pegawai-polis-direman-seminggu-disyaki-rogol-pengadu/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Yav9mnO8YUM">https://www.youtube.com/watch?v=Yav9mnO8YUM</a>	YOUTUBE
	<a href="https://sumberkini.my/inspektor-polis-disyaki-rogol-wanita-direman-seminggu/">https://sumberkini.my/inspektor-polis-disyaki-rogol-wanita-direman-seminggu/</a>	SUMBERKINI.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=KUfX42ckyNI">https://www.youtube.com/watch?v=KUfX42ckyNI</a>	YOUTUBE
	<a href="https://mykmu.net/2024/01/30/inspektor-didakwa-rogol-pengadu-buat-laporan/">https://mykmu.net/2024/01/30/inspektor-didakwa-rogol-pengadu-buat-laporan/</a>	MYKMU.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BURUH, BAPA TIRI KES ROGOL DIPERINTAH JALANI PEMERIKSAAN PSIKIATRI</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/buruh-bapa-tiri-kes-rogol-diperintah-jalani-pemeriksaan-psikiatri/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/buruh-bapa-tiri-kes-rogol-diperintah-jalani-pemeriksaan-psikiatri/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/kes-rogol-hakim-arah-tertuduh-bapa-tiri-mangsa-jalani-rawatan-psikiatri/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/kes-rogol-hakim-arah-tertuduh-bapa-tiri-mangsa-jalani-rawatan-psikiatri/</a>	BULETINTV3.MY



UKK KPWK M



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>IBU MENGAKU BERSALAH BERSUBAHAT DENGAN SUAMI ROGOL ANAK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055793/ibu-mengaku-bersalah-bersubahat-dengan-suami-rogol-anak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055793/ibu-mengaku-bersalah-bersubahat-dengan-suami-rogol-anak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=TgHwze9hfOI">https://www.youtube.com/watch?v=TgHwze9hfOI</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=eDiDiwRDnNm">https://www.youtube.com/watch?v=eDiDiwRDnNm</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=EhsZdx7trPQ">https://www.youtube.com/watch?v=EhsZdx7trPQ</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=J-ZIX9M2PoI">https://www.youtube.com/watch?v=J-ZIX9M2PoI</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>TINDAKAN TEGAS JIKA TERBUKTI SALAH TUDUHAN ROGOL PENIAGA KOSMETIK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206772/tindakan-tegas-jika-terbukti-salah-tuduhan-rogol-peniaga-kosmetik">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206772/tindakan-tegas-jika-terbukti-salah-tuduhan-rogol-peniaga-kosmetik</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://siakapkei.my/2024/01/30/polis-kelantan-tidak-kompromi-kes-pegawai-disyaki-rogol-wanita/">https://siakapkei.my/2024/01/30/polis-kelantan-tidak-kompromi-kes-pegawai-disyaki-rogol-wanita/</a>	SIKAPKEI.MY
	<a href="https://selangorkini.my/2024/01/kes-inspektor-disyaki-rogol-peniaga-kosmetik-polis-jamin-siasatan-telus/">https://selangorkini.my/2024/01/kes-inspektor-disyaki-rogol-peniaga-kosmetik-polis-jamin-siasatan-telus/</a>	SELANGORKINI.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-kelantan-tidak-kompromi-kes-pegawai-disyaki-rogol-wanita-456179">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-kelantan-tidak-kompromi-kes-pegawai-disyaki-rogol-wanita-456179</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/694811">https://www.malaysiakini.com/news/694811</a>	MALAYSIKINI.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1007812/kelantan-police-chief-no-protection-inspector-rape-case">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1007812/kelantan-police-chief-no-protection-inspector-rape-case</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/30/kelantan-police-will-not-compromise-on-one-of-our-own-in-investigation-of-rape-case/115426">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/30/kelantan-police-will-not-compromise-on-one-of-our-own-in-investigation-of-rape-case/115426</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/kelantan-police-will-not-compromise-on-one-of-our-own-in-investigation-of-rape-case-HH12044928">https://thesun.my/local_news/kelantan-police-will-not-compromise-on-one-of-our-own-in-investigation-of-rape-case-HH12044928</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/inspektor-dikena-tindakan-jika-terbukti-rogol-saksi-dalam-ipd-tumpat/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/inspektor-dikena-tindakan-jika-terbukti-rogol-saksi-dalam-ipd-tumpat/</a>	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>PEMBANTU KEDAI CABUL PELANCONG, MILIKI VIDEO LUCAH DIDENDA RM7,000</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/pembantu-kedai-cabul-pelancong-miliki-video-lucah-didenda-rm7000/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/30/pembantu-kedai-cabul-pelancong-miliki-video-lucah-didenda-rm7000/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemuda-disyaki-cabul-pelancong-sepanyol-ditahan-456059">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemuda-disyaki-cabul-pelancong-sepanyol-ditahan-456059</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/647000/berita/semasa/lelaki-didenda-rm7000-miliki-video-lucah-cabul-pelancong-sepanyol">https://www.sinarharian.com.my/article/647000/berita/semasa/lelaki-didenda-rm7000-miliki-video-lucah-cabul-pelancong-sepanyol</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=r-TYcrD-a80">https://www.youtube.com/watch?v=r-TYcrD-a80</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/30/pemuda-cabul-wanita-sepanyol-miliki-video-lucah-didenda-rm7000/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/30/pemuda-cabul-wanita-sepanyol-miliki-video-lucah-didenda-rm7000/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206561/pembantu-runcit-didenda-rm7000-cabul-wanita-sepanyol-miliki-video-lucah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1206561/pembantu-runcit-didenda-rm7000-cabul-wanita-sepanyol-miliki-video-lucah</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=4JMtB2Gd6TM">https://www.youtube.com/watch?v=4JMtB2Gd6TM</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=AwN9AqRi3I8">https://www.youtube.com/watch?v=AwN9AqRi3I8</a>	YOUTUBE
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pembantu-kedai-cabul-wanita-sepanyol-miliki-video-lucah-didenda-rm7000">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pembantu-kedai-cabul-wanita-sepanyol-miliki-video-lucah-didenda-rm7000</a>	BERITA.RTM.GOV.MY



## Remaja dirogol, dibelasah bapa akan ditempatkan di bawah institusi JKM

Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my



TANGKAP layar video yang memaparkan seorang lelaki memukul anaknya dalam keadaan mabuk di sebuah rumah, baru-baru ini. FOTO Ihsan Pembaca.

Seremban: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan sudah bertemu dengan waris remaja perempuan yang dipercayai dirogol dan dibelasah bapanya, bagi membincangkan penempatan mangsa.

[Pengarah JKM Negeri Sembilan](#), Rosnah Sardi berkata, remaja berusia 17 tahun itu kini di bawah perlindungan pihaknya.

Katanya, pihaknya mengadakan pertemuan dengan ibu kandung remaja itu bagi menentukan kesesuaian penempatan remaja berkenaan selepas ini dan tindakan yang dilakukan pelindung mengikut Akta Kanak-kanak 2001.

"Sebelum ini kami mengesan waris mangsa bagi menentukan masa depannya sebelum ibu kandungnya yang menetap di Seremban hadir di hospital pada minggu lalu.

"Bagaimanapun, berdasarkan hasil temubual, kami mendapati wanita berusia 40 tahun ini tidak mampu untuk memberikan penjagaan yang sewajarnya berdasarkan situasi semasanya," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, remaja itu akan dirujuk kepada Pegawai Kaunselor di bawah institusi JKM bagi membantu mangsa mengatasi trauma yang dihadapi.

"Ketika ini mangsa masih lagi dirawat di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN), di Kuala Pilah. Dia kini berada dalam keadaan stabil dan tidak menunjukkan kelakuan agresif.

"Selepas mendapat maklum balas daripada ibu kandungnya, kami dalam siasatan untuk penempatan mangsa.


"Pelindung akan mohon perintah jagaan sementara terlebih dahulu kepada mahkamah," katanya.

Rosnah berkata, pelindung daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat (PKMD) Rembau, sudah hadir menyantuni remaja ini dan perancangan awal adalah menempatkannya di institusi tempat selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

"Selain itu, kami juga akan memastikan remaja ini menyambung persekolahan walau di mana penempatannya kelak," katanya.

Media sebelum ini melaporkan seorang remaja perempuan terpaksa dikejarkan ke hospital selepas parah dibelasah bapanya kerana membongkar rahsia dia dirogol suspek di sebuah rumah di Kampung Kendong, Baru, Kota, di sini, 23 Januari lalu.

Suspek dikatakan melakukan perbuatan itu ketika hanya mangsa dan suspek berada di rumah berkenaan, pada November 2023, malah mengugut supaya tidak menceritakan kejadian kepada sesiapa.



## LPPKN sasar 30,000 wanita di Sarawak jalani ujian saringan HPV

@ Suara Sarawak SARAWAK 30 Januari 2024



SIMBOLIK... Rohani (tiga kiri) menyempurnakan simbolik perasmian program. (Foto oleh Ramidi Subari)

KUCHING: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyasarkan sebanyak 30,000 wanita di Sarawak menjalani ujian saringan virus papiloma manusia (HPV) tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata tahun lalu seramai 15,000 wanita di negeri ini telah menjalani saringan tersebut dan pihaknya mahu jumlah itu meningkat tahun ini.

Justeru katanya, LPPKN komited untuk memperluaskan capaian program saringan kanser serviks terutama di kawasan pedalaman di negeri ini.

"Perkara tersebut penting untuk pengesanan awal kerana, berdasarkan Laporan Pendaftaran Kanser Kebangsaan 2012 hingga 2016, Sarawak mencatatkan kadar insiden kanser serviks tertinggi iaitu 9.6 kes bagi setiap 100,000 orang wanita setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena perasmian Program KASIH KPWK: Gempur Saringan HPV DNA 2024 di Bangunan Sultan Iskandar, di sini, hari ini.

Tambahnya, sejak program tersebut mula dianjurkan dari 2019 hingga 2023 seramai 23,744 wanita di negeri ini telah menjalani ujian HPV DNA.

Dalam pada itu, beliau juga menyeru golongan wanita di Sarawak untuk tampil mendapatkan perkhidmatan ujian HPV DNA menerusi program atau Klinik Nur Sejahtera secara percuma.

"Di Sarawak, terdapat tiga cawangan klinik tersebut iaitu di Miri, Sibuan dan Kuching," ujarnya.


Hadir sama, Ketua Pengarah LPPKN Abdul Shukur Abdullah; Setiausaha Persekutuan Sarawak Datuk Ahmad Nadzri Mohd Hassan; serta wakil yang lain.



BERUCAP... Rohani berucap sempena perasmian Program KASIH KPWK: Gempur Saringan HPV DNA 2024 di Bangunan Sultan Iskandar, di sini, hari ini. (Foto oleh Ramidi Subari)



RAKAMAN KENANGAN... Rohani merakam gambar kenangan bersama-sama tetamu kehormat dan para peserta program. (Foto oleh Ramidi Subari)



Datuk Mohammad Razi Sitam (tiga dari kanan) hadir pada Program Sejambak Kasih 2024 Tahun Baru Cina di Majma Mall, Kuching. Foto, TVS.

## Sarawak salur RM7.65 juta bantu persiapan Tahun Baharu Cina golongan kurang bernasib baik

By Handy G #bm, Berita Sarawak January 30, 2024

KUCHING, 30 Jan: Kerajaan Sarawak menyalurkan peruntukan RM7.65 juta untuk meringankan beban kewangan golongan memerlukan sempena Tahun Baharu Cina 2024.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak – Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Datuk Mohamad Razi Sitam berkata, jumlah itu diagihkan kepada 7,656 penerima di seluruh Sarawak.

Katanya, peruntukan itu meliputi pelbagai bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak.

"Kuching mencatatkan jumlah penerima paling ramai iaitu 2,736 orang, diikuti Sibu (1,764) dan Miri dengan 835 penerima.


"Selain itu, bantuan juga disalurkan kepada 515 penerima di Sarikei, Sri Aman (387), Serian (314), Bintulu (273), Samarahan (212), Limbang (204), Mukah (184), Betong (158) dan Kapit (74)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sejambak Kasih Tahun Baharu Cina di Majma Mall, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Mohammad Razi turut menyerahkan bantuan wang tunai RM100 dan hamper bernilai RM80 kepada 150 penerima.

Sementara itu, beliau menambah, sebanyak 2,736 orang atau 25.74 peratus penerima bantuan layak menerima sumbangan itu bagi meringankan beban kewangan selain menceriaikan sambutan Tahun Baharu Cina yang bakal menjelang.

"Bagi penerima yang tidak hadir pada hari ini, sumbangan wang tunai akan dikreditkan ke akaun masing-masing," katanya. – TVS



## Pengantin baharu didenda RM4,000 simpan gambar porno kanak-kanak

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Januari 30, 2024 @ 6:09pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



MELAKA: Seorang jurukimpal yang baru tiga minggu berkahwin didenda RM4,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, hari ini, selepas mengaku salah memiliki bahan pornografi kanak-kanak, tahun lalu.

Hakim Darmafikri Abu Adam ketika menjatuhkan hukuman berkata, mahkamah menimbangkan fakta kepentingan awam iaitu kesalahan dilakukan tertuduh, Muhammad Rafie Razak, 30, adalah serius.

Beliau turut memerintahkan tertuduh dipenjara tambahan enam bulan jika gagal membayar denda itu.

Lelaki itu didakwa memiliki pornografi kanak-kanak di dalam aplikasi Google Drive dan telefon bimbitnya di sebuah rumah di Bukit Baru pada 13 Februari 2023, kira-kira jam 4.45 petang.


Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum berpandukan seksyen sama.

Jika sabit kesalahan membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom sementara tertuduh diwakili peguam Umar Zulkarnain.

Terdahulu, peguam memohon hukuman denda ringan kerana itu adalah kesalahan pertama tertuduh yang bekerja sebagai jurukimpal.

Katanya, anak guamnya yang baru tiga minggu berkahwin sudah menyesal atas kesalahan dilakukan dan berjanji tidak mengulanginya pada masa depan.



## 6 wanita kes 'Hot Daddy' akan dituduh esok

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil - Januari 30, 2024 @ 6:40pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Enam wanita dipercayai terbabit kegiatan merakam aksi seks bersama seorang lelaki tempatan dikenali 'Hot Daddy' dan menjualnya di media sosial dijangka didakwa esok.

Difahamkan, enam wanita berusia lingkungan 21 hingga 36 tahun itu akan dituduh di Mahkamah Sesyen, di sini berhubung kes terbabit.

Terdahulu, media melaporkan polis menahan enam lagi wanita bagi membantu siasatan berhubung kes 'Hot Daddy' yang menjalankan aktiviti merakam dan menjual aksi hubungan intim dengan lebih 20 wanita melalui aplikasi media sosial.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain dilaporkan berkata, semua suspek diberkas minggu lalu menerusi fasa kedua Op Daddy.

Katanya, siasatan mendapati keenam-enam wanita itu melakukan hubungan seks secara sukarela dengan ada antara mereka melakukannya kerana bermotifkan keuntungan.

Jumaat lalu, lelaki tiga anak dikenali 'Hot Daddy' yang ditahan kerana merakam dan menjual aksi seks melalui aplikasi X dituduh di Mahkamah Sesyen, di sini.

Lelaki itu, Hasli Ikhwan Arif Zul Hasli, 32, dan dua teman wanitanya, Norhidayah Mahadi, 24, dan Norshazrina Md Zamri, 27, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Siti Aminah Ghazali.

Ketiga-tiga mereka dituduh mengikut Seksyen 372(1)(e) Kanun Keseksaan kerana mempromosikan aktiviti seks untuk keuntungan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang membawa hukuman penjara hingga 15 tahun dan sebatan serta denda jika sabit kesalahan.



## Bekas guru taska kekal pengakuan tidak bersalah abai kanak-kanak hingga mati lemas

Bernama  
Januari 30, 2024 20:15 MYT



*S. Esther Christina mengekalkan pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Ainul Shahrin Mohamad. - Gambar Bernama*

**IPOH:** Seorang bekas guru sebuah taska dihadapkan semula di mahkamah di sini hari ini atas pertuduhan mengabaikan seorang kanak-kanak di bawah jagaannya sehingga menyebabkan mangsa mati lemas, April tahun lepas.

S. Esther Christina, 59, mengekalkan pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Ainul Shahrin Mohamad.

Pada 12 Julai lepas, wanita itu didakwa di Mahkamah Majistret di sini atas pertuduhan sama.

Mengikut pertuduhan, Esther Christina yang mempunyai pemeliharaan ke atas V. Thanes Nair, 4, didakwa telah meninggalkan kanak-kanak itu tanpa pengawasan dan pemeliharaan untuk satu tempoh yang tidak berpatutan.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di kolam renang The Centro Club, Bandar Baru Sri Klebang di sini pada 10.20 pagi, 17 April 2023 mengikut Seksyen 33(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Evangelin Simon Silvaraj menawarkan jaminan sebanyak RM15,000 dengan syarat tambahan, tertuduh tidak boleh mendekati keluarga mangsa atau saksi, selain perlu melapor diri di balai polis sekali setiap bulan.

Peguam Gary Xavier yang mewakili tertuduh merayu jaminan dikekalkan seperti sebelum ini iaitu RM2,500 dengan seorang penjamin atas alasan tertuduh menjalani pembedahan barah otak dan kini sedang mendapatkan rawatan susulan serta mengambil ubat antisawan, selain tidak lagi bekerja dan menanggung ibunya yang berusia 80 tahun serta turut memberikan kerjasama semasa siasatan.

Mahkamah membenarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 21 Mac untuk sebutan semula kes.

Terdahulu di Mahkamah Majistret di sini, Majistret Siti Nora Sharif melepas tanpa membebaskan (DNAA) Esther Christina daripada pertuduhan itu selepas membenarkan permohonan pihak pendakwaan sebelum kes berkenaan dibawa ke Mahkamah Sesyen.

Kanak-kanak itu dilaporkan meninggal dunia pada 23 April 2023, setelah enam hari bertarung nyawa di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Ibu mangsa D. Nilaveni, 41, turut dilihat hadir dengan wajah sugul di mahkamah mengendong anak patung serta membawa beg kanak-kanak bersama botol susu dipercayai milik mendiang anaknya. Beliau ditemani suaminya V. Vijay, 44.

Sebelum ini juga tular video tindakan ibu bapa kanak-kanak itu berjalan kaki tanpa kasut dari Bandar Baru Sri Klebang ke Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh dengan memegang sepanduk "Justice For Thanes" mengundang perhatian netizen apabila memaklumkan berbuat demikian demi menuntut keadilan kematian anak mereka.



# Kelantan woman accuses police inspector of raping her

The alleged victim claims the incident happened at the Tumpat police headquarters.

FMT Reporters - 30 Jan 2024, 7:02pm

117  
Shares

f Share

X Tweet

Share

Email



*A 23-year-old woman alleged that she was raped when she went to give her statement to aid an investigation into an extortion case involving lewd photographs of her friend. (File pic)*


**PETALING JAYA:** A woman in Kelantan who works as an online cosmetics seller has accused a police inspector of raping her at the Tumpat police headquarters when she went to give her statement for another case yesterday.

Kelantan police chief Zaki Harun said the 23-year-old alleged victim was at the Tumpat police headquarters at 7pm to aid an investigation into a case of extortion involving lewd photographs of her friend.

“The girl is believed to be a witness in the case. The evidence at the location of the incident has been sent to the forensics unit,” Kosmo reported him as saying at the Pasir Mas police headquarters.

Zaki said Kelantan police were investigating the matter and action would be taken against any officer or personnel found guilty of committing a crime.

“The investigation is not just into the alleged rape, but also involves disciplinary matters. If evidence is found, the officer in question will face action,” he said.



## Inspektor polis direman tujuh hari disyaki rogol pengadu

Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my



PEGAWAI penyiasat berpangkat Inspektor direman tujuh hari disyaki merogol pengadu yang datang membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat. FOTO  
Nik Abdullah Nik Omar

Tumpat: Inspektor polis direman tujuh hari selepas disyaki merogol pengadu yang datang membuat laporan di pejabatnya, di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat di sini kelmarin.

Perintah reman yang bermula hari ini sehingga Isnin depan itu dikeluarkan oleh Majistret Wan Ashrul Afham Mohamad Azmi di Mahkamah Majistret Tumpat di sini hari ini.

Tahanan reman itu bagi membolehkan pegawai polis terbabit yang juga pegawai penyiasat berusia 38 tahun disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

Semasa prosiding reman berlangsung, peguam yang mewakili pegawai polis itu, Mohd Firdaus Zainal Abidin membantah permohonan tahanan reman terhadap anak guamnya.

Mahkamah bagaimanapun memerintahkan pegawai polis itu direman selama tujuh hari untuk siasatan lanjut.

Disiarkan pada: Januari 30, 2024 @ 12:43pm



## Buruh, bapa tiri kes rogol diperintah jalani pemeriksaan psikiatri



BURUH (kanan) dan bapa tiri mangsa rogol diarah menjalani pemeriksaan psikiatri oleh Mahkamah Sesyen Kemaman, hari ini. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN | 30 Januari 2024, 5:20 pm

KEMAMAN Mahkamah Sesyen hari ini, memerintahkan seorang buruh yang disyaki merogol kanak-kanak berusia 16 tahun dan bapa tiri mangsa, menjalani pemeriksaan psikiatri.

Perintah itu dibuat Hakim Wan Suhaila Mohd selepas mendapat permohonan daripada Timbalan Pendakwa Raya, Syairah Mohamad Razali berikutan kedua-dua lelaki yang dituduh secara berasingan itu, disyaki tidak sempurna akal dan tidak dapat memahami pertuduhan.

Pemohonan itu dibuat mengikut Seksyen 342 Kanun Prosedur Jenayah.

Terdahulu, ketika jurubahasa meminta tertuduh menyebut nama dan nombor kad pengenalannya, tertuduh berusia 18 tahun itu tidak dapat menyebut nama penuhnya dengan tepat selain tertuduh tidak mengetahui nombor kad pengenalan serta tarikh lahirnya.

Tertuduh juga dilihat seolah-olah tidak memahami tiga pertuduhan yang dibacakan jurubahasa terhadapnya.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol kanak-kanak itu pada 13 Januari hingga 15 Januari lalu, di sebuah rumah di daerah ini, pada waktu yang berbeza dan lokasi sama mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

